

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
KAWASAN : KUBANG KERIAN
TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan menghapuskan Tol Gombak yang merupakan faktor utama kesesakan lalu lintas pada setiap kali musim perayaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha sebaik mungkin bagi memenuhi janji-janji dalam buku Pakatan Harapan dan ini termasuklah cadangan menghapuskan tol lebuh raya di negara ini. Namun begitu, Kerajaan mengakui cadangan itu bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan, khususnya akibat dari tekanan kewangan semasa yang sedang dihadapi Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meneliti dan mengambil kira secara mendalam pelbagai faktor serta implikasi yang mungkin akan timbul akibat dari cadangan penghapusan tol lebuh raya di negara ini. Sehubungan itu, Kerajaan bersetuju untuk menangguhkan dahulu cadangan penghapusan tol termasuklah tol Gombak, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak sehingga keadaan ekonomi negara benar-benar stabil dan mengizinkan.

Dalam masa yang sama, Kementerian Kerja Raya telah melantik juru perunding audit bebas bertauliah pada 28 Januari 2019 bagi membantu Kerajaan menganalisa data dan cadangan berkenaan. Ini termasuklah mengemukakan cadangan mengurangkan beban tol secara jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Hasil kajian dijangka akan dibentangkan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri pada bulan Mei 2019 nanti.

Sekian, terima kasih.